



SIARAN MEDIA

5 HOSPITAL DIJADIKAN SEBAGAI HAB TEKNOLOGI KESIHATAN BAKAL DIPERKUKUH DENGAN KLUSTER INTEGRASI PENJAGAAN KESIHATAN DI MRANTI PARK

KUALA LUMPUR, 2 September 2022 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) hari ini mengumumkan bahawa lima(5) buah hospital telah dikenal pasti untuk dijadikan sebagai Hab Teknologi Kesihatan Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS) di negara ini.

Pelaksanaan Hab Teknologi Kesihatan NTIS ini dicadangkan di tiga (3) lokasi dalam bandar, iaitu di Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara dan Hospital Tunku Azizah, iaitu Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Kuala Lumpur. Ketiga-tiga lokasi ini dipilih atas kesediaan infrastruktur teknologi, tenaga mahir, integrasi dengan teknologi semasa seperti internet dan 5G, perkakasan dan pemahaman teknologi terkini. Dua (2) lokasi di luar bandar iaitu Hospital Bera di Pahang dan Hospital Rembau juga telah dikenal pasti bagi pengujian teknologi seperti robot, internet kebendaan perubatan, dan kemudahan 4G/5G.

Kelima-lima lokasi ini akan dikenali sebagai pusat sehati bagi sektor kesihatan untuk mencungkil potensi bagi menghadapi cabaran sektor kesihatan yang semakin meningkat di Malaysia, menyediakan pengalaman penjagaan kesihatan berkualiti tinggi untuk negara, dengan teknologi dan inovasi.

“Berebalkan visi untuk mentransformasi kehidupan rakyat dengan pewujudan inovasi perubatan dan penjagaan kesihatan yang mampu milik, inklusif dan lestari, Hab Teknologi Kesihatan NTIS bermatlamat untuk memacu pengujian dan pengkomersialan inovasi teknologi kesihatan di dalam persekitaran yang selamat dan dikawal selia,” kata YB Dato Sri’ Dr Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut YB Dato Sri’ Dr Adham Baba, MOSTI komited dalam membangunkan beberapa teknologi inovatif yang dapat mengukuhkan lagi sistem penjagaan kesihatan kita.

"Penubuhan Hab Teknologi Kesihatan NTIS akan mempercepatkan penciptaan, penerimaan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan di dalam sektor kesihatan tanpa menjejaskan tempoh ujian klinikal sedia ada. Secara tidak langsung, Hab ini juga dapat memberikan faedah kepada para pengguna untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan kos yang berpatutan manakala dari segi kesihatan awam, teknologi ini penting untuk menyokong usaha-usaha pencegahan penyakit yang dibawa oleh vektor-vektor seperti serangga dan haiwan perosak," kata YB Dato Sri' Dr Adham Baba dalam ucapannya.

YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan menyatakan bahawa pada tahun 2020, pelaburan daripada ekuiti swasta dan modal teroka dalam industri kesihatan dan kesejahteraan di Malaysia telah meningkat 18.4% berbanding tahun 2019 yang berkait rapat dengan pandemik COVID-19. Ini secara langsung telah meningkatkan fokus kepada kesihatan fizikal dan mental di mana trend ini dijangka akan berterusan di samping menyaksikan peralihan tumpuan pengguna kepada produk dan solusi kesihatan.

"Justeru, hab ini yang bertunjangkan *Internet of Medical Things (IoMT)*, di mana peralatan dan aplikasi perubatan membentuk satu ekosistem yang saling berkait menerusi rangkaian komputer dalam talian berupaya mempertingkatkan pengurusan ubat, diagnosis dan rawatan dan pemantauan penyakit kronik dari jarak jauh," tambah beliau lagi.

Beliau turut menjelaskan bahawa Hab ini bakal memudah cara isu pengawalseliaan merangkumi Akta Racun 1952, Akta Teleperubatan 1997 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Hab Teknologi Kesihatan NTIS, merupakan satu inisiatif MOSTI, dengan Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) selaku Sekretariat Utama. Hab ini akan menangani cabaran-cabaran kritikal sektor perubatan dan penjagaan kesihatan di Malaysia melalui pendekatan inovatif. Industri penjagaan kesihatan Malaysia dijangka menyumbang sebanyak RM154 bilion kepada pertumbuhan ekonomi menjelang 2027.

Bagi menjayakan usaha ini, kelima-lima Hab Teknologi Kesihatan ini akan mendapat akses kepada tapak ujian, pendanaan dan fasilitasi pengawalseliaan. Para inovator boleh membangunkan penyelesaian teknologi yang bakal merevolusikan ekosistem inovasi terbuka dalam mewujudkan padanan usaha sama antara orang awam dengan sektor swasta. Dengan akses kepada ekosistem inovasi yang kondusif dan bersepadu, kadar pengkomersialan dapat dipesatkan.

YB Dato' Sri Adham Baba juga mengumumkan bahawa Hab ini akan disokong oleh Kluster Penjagaan Kesihatan Bersepadu MRANTI seluas 10 ekar yang akan mempercepatkan penerokaan dan pembangunan kerja dalam penjagaan kesihatan dan teknologi perubatan, menawarkan program pembangunan kapasiti, makmal dan kemudahan penyelidikan untuk membuat ujian tegasan terhadap idea, prototaip, aplikasi dan pelbagai inovasi yang berkaitan.

MRANTI Park menyediakan ruang bagi membolehkan para inovator mencipta, bereksperimen dan merealisasikan idea melalui penggunaan teknologi, peralatan dan fasiliti 4IR dalam persekitaran langsung.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN KESIHATAN DAN
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
2 SEPTEMBER 2022**

Muat turun gambar, logo di pautan <https://rb.gy/bb8ink> .